

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB MAHFUZ B. OMAR (POKOK SENA)

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pekerja asing dihantar pulang ke negara asal dan berapa yang telah menjadi pendatang tanpa izin selepas Kerajaan membatalkan lesen outsourcing pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing, Kali Pertama, Bil. 1/2018 bertarikh 24 Oktober 2018 telah menetapkan secara dasarnya supaya perkhidmatan *outsourcing* ditamatkan dan diadakan sesi libat urus bersama syarikat *outsourcing* sebelum satu tempoh masa penamatan lesen syarikat *outsourcing* ditetapkan.

Susulan itu, sebanyak **66 syarikat *outsourcing* (23.7%)** daripada keseluruhan 279 syarikat *outsourcing* telah mengemukakan permohonan **tukar majikan kepada majikan prinsipal** kepada pihak Kementerian. Jumlah ini melibatkan seramai **3,363 pekerja asing (23%)** dari 14,610 jumlah keseluruhan pekerja asing yang dimiliki 279 syarikat *outsourcing* (data MyIMMs sehingga 4 Januari 2019). Pekerja asing ini telah berada lama di negara ini dan kebanyakannya telah memasuki tempoh penggajian tahun ke 8, 9 dan 10 di bawah syarikat *outsourcing*.

Manakala seramai **8,885** pekerja asing di bawah syarikat *outsourcing* **telah dihantar pulang (61%)**.

Sehubungan itu, lesen kesemua 279 pemegang lesen syarikat *outsourcing* telah ditamatkan pada 31 Mac 2019 dan mana-mana pekerja asing yang tidak terlibat dalam proses pertukaran majikan atau penghantaran pulang dikategorikan sebagai PATI.